

Unimas anjur Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah



Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid ketika melawat beberapa gerai pameran semasa merasmikan Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah di Unimas, Kota Samarahan baru-baru ini.

KOTA SAMARAHAN, Jumaat - Pusat Pengajian Bahasa (PPB), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah 2012 bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-20 universiti ini. Karnival dua hari yang bermula pada 21 November 2012 hingga 22 November 2012 ini julung kali diadakan dan bertempat di PPB, UNIMAS.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid telah merasmikan karnival dengan disaksikan Dekan PPB, Dr Norazuna Norahim serta para staf pusat. Karnival ini merupakan sambutan berganda kepada pusat kerana turut diiringi dengan pelancaran Buku Panduan Akademik PPB dan Jurnal PPB berjudul *Issues in Language Studies*. Jurnal berwasit secara atas talian yang diterbitkan dua kali setahun ini merupakan medan perbincangan ilmiah tentang isu pengajaran dan pembelajaran, serta

isu kebahasaan semasa.

Acara utama yang dijalankan ialah Kolokium Siswazah yang disertai oleh pelajar-pelajar pasca-siswazah PPB, yang bersaing merebut Anugerah Penyampai Terbaik. Anugerah tersebut telah dimenangi oleh Oshodi Boluwaji, yang menyampaikan pembentangan bertajuk "Morphological Variability among Second Language Learners: Investigating the Failed Functional Feature Hypothesis and the Missing Surface Inflection Hypothesis"

Pameran gerai turut diadakan oleh kursus-kursus yang ditawarkan di PPB, meliputi kursus Bahasa Melayu; kursus Bahasa Inggeris seperti English for Professional Purposes, English for Self Expression, English in the Media dan Academic Reading and Writing; dan kursus Bahasa-bahasa Ketiga seperti Perancis, Arab, Jepun dan Mandarin.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah kuiz, permainan tradisional,

penulisan khat, pertandingan poster, penulisan kaligrafi Cina, dan tayangan video. Aktiviti-aktiviti ini mendapat sambutan dan penyertaan yang amat baik daripada mahasiswa UNIMAS dan orang awam.

Gerai-gerai pameran yang memuatkan jualan buku dan perkhidmatan turut disertai oleh pelbagai pihak penaja seperti British Council Sarawak, Edition 99 Sdn. Bhd., OurYouth.my, dan Sarawak Bloggers Association. Selain itu, karnival ini dimeriahkan dengan penyertaan Sarawak Society for the Prevention of Cruelty against Animal (SSPCA), Indocafe dan Red FM.

Penyertaan dan tajaan daripada pihak-pihak ini menunjukkan sokongan padu organisasi luar terhadap penganjuran karnival bahasa ini yang boleh disifatkan sebagai satu platform ilmu yang mampu mempromosikan peranan PPB dalam membina dan memperkasa kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar, staf serta orang awam.